



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
**(KPKT)**

**SEKTOR PENGURUSAN STRATA**

- Adakah Mesyuarat Agung / Mesyuarat Agung Luar Biasa (AGM/EGM), serta mesyuarat jawatankuasa pengurusan yang dirancang boleh dilaksanakan di ses sebuah skim strata sepanjang tempoh kuatkuasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Boleh, tertakluk kepada syarat bahawa kehadiran yang dibenarkan adalah tidak melebihi 50% daripada kapasiti sebenar tempat mesyuarat serta pematuhan kepada penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan langkah-langkah pencegahan serta sanitasi COVID-19. Penyertaan ke sesi mesyuarat adalah berdasarkan kepada *first come first served basis*. Mana-mana mesyuarat yang didapati gagal mematuhi syarat ini akan dihentikan atrau ditangguhkan secara serta-merta.

- Adakah komuniti strata boleh bergerak dalam kawasan skim strata semasa tempoh PKPB? Bagaimana pula dengan penggunaan surau / rumah ibadat di skim strata?**

Boleh. Namun komuniti perlu menghadkan pergerakan di dalam skim strata dan mengamalkan *social distancing*. Aktiviti keagamaan di masjid dan surau adalah dibenarkan dengan had kehadiran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, manakala aktiviti di rumah ibadat bukan Islam dibenarkan dengan had kehadiran yang ditetapkan oleh MKN/KKM/Kerajaan Negeri dan Kementerian Wilayah Persekutuan..

- Adakah harta bersama seperti dewan, *gymnasium*, *badminton court*, *swimming pool* boleh digunakan dalam tempoh ini?**

Boleh, tertakluk kepada syarat bahawa kehadiran atau kadar penggunaan harta bersama yang dibenarkan adalah tidak melebihi 50% daripada kapasiti sebenar harta bersama tersebut, serta pematuhan kepada penjarakan sosial dan langkah-langkah pencegahan serta sanitasi COVID-19 sebagaimana yang ditetapkan oleh MKN. Aktiviti sukan dan rekreasi adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh

Kementerian Belia dan Sukan dan MKN. Mana-mana penggunaan harta bersama yang didapati gagal mematuhi syarat ini hendaklah dihentikan serta-merta.

**4. Bolehkah penduduk mengadakan sebarang program/aktiviti di skim strata?**

Boleh. Penduduk boleh melakukan program seperti penganjuran majlis keramaian yang beroperasi pada 50% kapasiti premis dengan mematuhi penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan berdasarkan kepada sebarang SOP yang ditetapkan oleh MKN

**5. Adakah premis perniagaan di skim strata boleh dibuka dan beroperasi seperti biasa semasa tempoh kuatkuasa PKPB?**

Secara amnya, premis perniagaan di skim strata boleh dibuka tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh MKN dari masa ke semasa.

**6. Bagaimana pula dengan pos, courier dan pekerja penghantaran (FoodPanda, Grabfood dan sebagainya)?**

Pekerja pos, courier dan pekerja penghantaran (*FoodPanda, Grabfood* dan sebagainya) adalah dibenarkan untuk masuk skim strata sampai setakat tempat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan selepas melalui dan lulus saringan imbasan suhu, dan pekerja pos boleh masuk sehingga ke bilik peti surat (*mail box room*). Pekerja penghantaran dengan suhu badan yang melebihi 37.5°C tidak dibenarkan menghantar barang-barangnya.